

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan pihak Kementerian terhadap laporan-laporan berkaitan akses internet yang terhad di kawasan luar bandar sehingga menyukarkan para pelajar dan guru untuk membuat pembelajaran dan pengajaran secara atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar. Sasaran fasa pertama yang kini telah bermula sehingga tahun 2022 ialah :

- a. penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;

NO SOALAN : 19

- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, tambahan sebanyak lebih 2.5 juta premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan gigabit melalui rangkaian gentian optik. Untuk perkhidmatan jalur lebar mudah alih, sejumlah 2,601 menara baharu akan dibina, manakala sebanyak 20,803 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 873 Pusat Internet Komuniti (PIK) di seluruh negara di bawah kelolaan SKMM yang boleh digunakan sebagai pelengkap (*complement*) untuk pembelajaran atas talian oleh para pelajar untuk pembelajaran dan mengakses internet.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.